

## KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

# PEMBANGUNAN PIPC MASUK FASA KEDUA, JPDC SASAR TARIK RM5 BILION PELABURAN BAHARU

**15 April 2021, Iskandar Puteri** – Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) mensasarkan untuk menarik pelaburan baharu bernilai hampir RM5 bilion dalam sektor minyak dan gas hiliran dan aktiviti sokongan yang berkaitan dalam fasa kedua pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (*Pengerang Integrated Petroleum Complex*, PIPC), umum YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).

Pada fasa kedua untuk tempoh 2020 hingga 2025, JPDC mensasarkan pelaburan baharu di PIPC melibatkan pembangunan loji penghasilan produk petrokimia, pembukaan kawasan perindustrian baharu, serta pengembangan aktiviti yang telah bermula pada fasa pertama.

YB Dato' Sri Mustapa memaklumkan fasa pertama pembangunan PIPC yang bermula pada 2012 telah siap pada tahun 2019. Fasa pertama menyaksikan dua pelaburan pemangkin dalam industri hiliran minyak dan gas dibangunkan di PIPC dengan jumlah nilai pelaburan USD29.5 bilion (Kompleks Bersepadu Pengerang oleh PETRONAS dan usahasama dengan Aramco, dengan nilai pelaburan USD27 bilion dan Pengerang Deepwater Terminals oleh DIALOG Group Berhad dan rakan-rakan niaganya dengan nilai pelaburan USD2.5 bilion). Pada fasa pertama PIPC juga, Johor Corporation telah memulakan kerja-kerja pembangunan Pengerang Industrial Park, Kumpulan Serba Dinamik memulakan aktiviti penyenggaraan, pembaikan dan baikpulih loji di Pengerang eco-Industrial Park dan Benalec Holdings Berhad telah mendapat kebenaran merancang untuk pembangunan Pengerang Maritime Industrial Park.

Pada fasa kedua juga, JPDC merancang mendapatkan dana untuk penambahbaikan dan naik taraf prasarana dan kemudahan awam yang mampu menyokong pertumbuhan industri hiliran minyak dan gas di Pengerang. Pada fasa pertama, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan pembangunan RM2.48 bilion untuk 25 pakej kerja pembinaan lebuh raya dan jalan raya, naik taraf jalan Persekutuan, pembinaan jaringan saliran dan perparitan di dalam kawasan industri, serta pembinaan kemudahan-kemudahan awam termasuk balai bomba, balai polis, klinik kesihatan, kompleks perikanan dan sekolah di kawasan PIPC. Kerajaan Negeri Johor juga telah menyalurkan peruntukan kira-kira RM1 bilion untuk pembinaan penempatan baharu di Pengerang bagi membolehkan pembangunan industri berjalan.

Pada fasa kedua PIPC, JPDC akan turut mempergiatkan program latihan peningkatan kemahiran tenaga kerja tempatan agar mereka berpeluang diambil bekerja dalam operasi industri hiliran minyak dan gas di PIPC dan seluruh Malaysia. Sejak 2013 hingga Mac 2021, JPDC telah melaksanakan 58 program peningkatan kemahiran, melibatkan 4,907 tenaga kerja Malaysia yang menerima latihan di 12 institusi latihan teknikal awam Malaysia. Program peningkatan kemahiran tersebut diselaraskan dengan keperluan dan permintaan industri, dan berjaya menghasilkan kadar pengambilan pekerja setinggi 95 peratus.

Pada fasa kedua juga, JPDC akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Johor dan pelabur industri di PIPC untuk meningkatkan tahap kemahiran dan persijilan teknikal kontraktor dan usahawan pembekal khidmat tempatan agar mereka berpeluang melayakkan diri menjadi pembekal bertauliah untuk syarikat-syarikat minyak dan gas hiliran di PIPC dan Malaysia. Ini seterusnya akan membantu pengembangan kapasiti keupayaan kontraktor dan syarikat tempatan, serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

Mohd Yazid Ja'afar, Ketua Eksekutif JPDC, menjelaskan di bawah Pelan Induk Pembangunan PIPC 2012-2037, JPDC akan terus menambahbaik perancangan pembangunan PIPC, menarik pelaburan baharu dan menyokong pengembangan projek-projek pelaburan sedia ada, serta memastikan tenaga kerja mahir dan usahawan tempatan berpeluang mengambil bahagian dalam pertumbuhan industri.

YB Dato' Sri Mustapa menjelaskan bahawa sebagai sebuah agensi di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang berperanan membangunkan industri hiliran minyak dan gas di PIPC, UPE akan menyokong peranan JPDC.

- TAMAT -

## **Maklumat tambahan – pelaburan di PIPC dalam Fasa 1**

DIALOG Group Berhad dan rakan-rakan niaganya membangunkan Pengerang Deepwater Terminals atas tapak seluas 1,300 ekar dengan nilai pelaburan USD2.5 bilion, merangkumi kemudahan dermaga air dalam untuk penghantaran minyak dan produk minyak, kemudahan tangki penyimpanan minyak dan produk minyak dengan kapasiti 3.86 juta meter padu serta kawasan perindustrian. Pengerang Deepwater Terminals mula beroperasi pada tahun 2014, dan kini memasuki fasa ketiga pembangunan yang dijangka siap pada tahun 2024.

PETRONAS membangunkan Kompleks Bersepadu Pengerang (*Pengerang Integrated Complex, PIC*) di kawasan seluas lebih 6,300 ekar, merangkumi loji penapisan minyak, loji perekah, loji pemprosesan petrokimia, terminal regasifikasi dan kemudahan-kemudahan sokongan lain, dengan nilai pelaburan USD27 bilion. PIC turut melibatkan usahasama PETRONAS dengan Aramco dalam aktiviti penapisan minyak dan pemprosesan petrokimia. Kerja-kerja pembinaan PIC yang bermula pada tahun 2013 telah selesai pada akhir tahun 2019, dan PETRONAS kini sedang mempersiapkan PIC untuk pelancaran operasi komersil sepenuhnya.

Pada suku tahun ketiga 2020, terminal regasifikasi di PIC telah mula menyumbang kepada pembekalan gas asli cecair (*liquefied natural gas, LNG*) untuk pengguna di seluruh Semenanjung Malaysia. LNG dibekalkan melalui sistem *Virtual Pipeline System (VPS)*, melibatkan penghantaran LNG menggunakan lori tangki yang dipasang tangki *cryogenic* kepada pengguna-pengguna yang tidak mempunyai capaian kepada jaringan pembekalan gas asli.

Pelabur-pelabur lain di PIPC termasuk Johor Corporation yang sedang membangunkan Pengerang Industrial Park, Kumpulan Serba Dinamik Holdings yang sedang membangunkan kawasan industri mengkhusus kepada kerja-kerja penyenggaraan, pembaikan dan baikpulih loji serta kilang fabrikasi, dan Benalec Holdings Berhad yang akan membangunkan Pengerang Maritime Industrial Park.

**Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC)** adalah agensi di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras, memudahcara dan mempromosi pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, sebuah hab industri hiliran minyak dan gas di di Pengerang, Johor. Untuk keterangan lanjut, sila layari [www.jpdc.gov.my](http://www.jpdc.gov.my).

Kenyataan media oleh:

**Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC)**

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Jabatan Komunikasi Strategik, JPDC melalui e-mel kepada **Rofidah Azman** di [wanrofidah@jpdc.gov.my](mailto:wanrofidah@jpdc.gov.my)